

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Serta-merta
2 Mei 2025

CPTPP - Penghantaran Minyak Sawit Bebas Tarif Pertama dari SD Guthrie Tiba di Liverpool, United Kingdom

- Kapal membawa 8,000 MT minyak sawit telus sumber, terasing serta diperakui mampan oleh RSPO, telah bertolak dari Pelabuhan Kunak, Sabah, pada 19 Februari lalu.
- Minyak sawit dihasilkan oleh rangkaian bekalan SD Guthrie di Sabah dengan kandungan *Mineral Oil Saturated Hydrocarbons* (MOSH) dan *Mineral Oil Aromatic Hydrocarbons* (MOAH) pada paras minimum, selaras dengan piawaian antarabangsa.

Petaling Jaya, 2 Mei 2025 – SD Guthrie Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Sime Darby Plantation Berhad) meraikan detik bersejarah pada 4 April 2025 dengan ketibaan penghantaran minyak sawit mampan diperakui *RSPO di United Kingdom (UK). Buat pertama kalinya, kemasukan minyak sawit tersebut dikecualikan dari sebarang tarif di bawah Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) – menandakan satu era baharu dalam perdagangan minyak sawit antara Malaysia dan UK. Kilang penapis SD Guthrie International di Liverpool, UK, telah menerima penghantaran tersebut iaitu sejumlah 8,000 MT minyak sawit mampan yang telus sumber dan terasing. Minyak sawit mampan tersebut dihantar oleh kapal Dolphin 19 yang bertolak dari Pelabuhan Kunak, Sabah, pada 19 Februari lalu, telah juga diuji bagi memastikan paras *Mineral Oil Saturated Hydrocarbons* (MOSH) dan *Mineral Oil Aromatic Hydrocarbons* (MOAH) yang rendah.

CPTPP merupakan pakatan perdagangan bebas yang pada mulanya dimeterai oleh 11 buah negara Lingkaran Pasifik, termasuk Malaysia pada tahun 2018. Perjanjian tersebut menghapuskan sebahagian besar tarif, di samping menggalakkan integrasi ekonomi serta menegakkan piawaian tinggi berhubung isu buruh dan alam sekitar antara negara-negara anggotanya. Keahlian rasmi UK dalam pakatan tersebut yang berkuat kuasa mulai 15 Disember 2024, telah mengecualikan sebarang tarif yang dikenakan ke atas produk minyak sawit mentah dan derivatifnya yang diimport dari Malaysia ke UK. Tarif yang dikenakan sebelum ini menjangkau antara 2% hingga 10%.

Menurut Datuk Mohamad Helmy Othman Basha, Pengarah Urusan Kumpulan SD Guthrie, ketibaan penghantaran ini merupakan satu detik bermakna yang membuktikan keupayaan syarikat tersebut sebagai salah satu pengeluar minyak sawit mampan terbesar dunia. “Pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan hubungan perdagangan yang kukuh antara Malaysia dan UK, malah komitmen SD Guthrie dalam memastikan kualiti, kebolehkesanan dan kestabilan bekalan minyak sawit mampan untuk para pelanggan kami di UK.”

Selama lebih satu dekad, kilang penapisan SD Guthrie di Liverpool memainkan peranan strategik sebagai pintu masuk bekalan minyak sawit mampan ke pasaran UK, sekaligus, memenuhi kira-kira 50% hingga 55% daripada permintaan minyak sawit di pasaran tersebut. Produk-produk keluaran kilang tersebut digunakan secara meluas oleh kedai-kedai yang menjual *fish-and-chips* di seluruh negara tersebut, serta sebagai bahan utama pembuatan

pelbagai produk biskut dan berasaskan roti berjenama terkemuka, serta produk-produk konfeksi yang menjadi kegemaran rakyat tempatan.

“Walaupun rantai bekalan kami di Papua New Guinea (PNG) masih lagi menjadi sumber utama produk kami di pasaran UK, penghantaran terkini yang dihasilkan rantai bekalan kami di Sabah mencerminkan keupayaan SD Guthrie untuk membekalkan minyak sawit mampan yang stabil dan konsisten ke UK, sambil mengekalkan piawaian tertinggi dalam aspek kualiti, kelestarian, dan keselamatan makanan. Bergantung kepada keadaan pasaran dan keperluan pelanggan, SD Guthrie mampu memastikan kestabilan bekalan yang diperlukan oleh para pelanggan kami di UK, sama ada melalui rantai bekalan kami dari Malaysia mahupun PNG,” tambah beliau lagi.

Kebolehesaan menyeluruh minyak sawit mampan yang telah dihantar oleh SD Guthrie itu juga membolehkan sumber bagi setiap titis minyak sawit ditelusuri dari setiap ladang dan kilang dalam rantai bekalan SD Guthrie di Sabah. Langkah ini memastikan pematuan terhadap kriteria alam sekitar dan sosial RSPO yang ketat. Selain itu, proses pengasingan sepenuhnya yang dilaksanakan sepanjang penghantaran — dari ladang ke pelabuhan, kapal tangki hingga ke kilang penapisan — menjamin penghantaran produk mampan yang 100% tulen dan murni, tanpa pencampuran dengan minyak sawit yang tidak mampan.

Selaras dengan tumpuan SD Guthrie terhadap kesihatan pengguna, rantai bekalan syarikat tersebut di Sabah juga menghasilkan minyak sawit mampan berkualiti tinggi serta mematuhi piawaian keselamatan makanan antarabangsa — sekali gus memberi keyakinan tambahan kepada para pelanggan terhadap ketulenan dan keselamatan produk-produk SD Guthrie.

**RSPO – ‘Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan’*

Mengenai SD Guthrie Berhad (dahulunya dikenali sebagai Sime Darby Plantation Berhad)

SD Guthrie Berhad ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di lebih 90 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

SD Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM32.84 bilion (USD7.6 bilion) setakat 30 April 2025, SD Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham

utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau hubungi:

- Hafiz Noor, Head, Strategic Communications
Tel: +6019-424 8283 | E-mel: hafiznoor@sdguthrie.com
- Azneal Azam, Head, Content and Channels
Tel: +6016-337 6160 | E-mel: azneal.azam@sdguthrie.com